

Jelajah Semenanjung Malaysia selama 60 jam sampaikan mesej kemerdekaan

# UMP anjur konvoi Jalur Gemilang

Oleh GHAZALI ALIAS

**P**EKAN — Sempena meraihan Sambutan Hari Kemerdekaan ke-60, Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini menganjurkan konvoi bermotosikal mengelilingi Semenanjung Malaysia dengan motosikal selama 60 jam bermula hari ini hingga 18 Ogos depan.

Seramai 15 peserta termasuk tiga kakitangan universiti tersebut menyertai konvoi itu sempena dengan 15 tahun penuhungan UMP.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, peserta bermotosikal itu juga akan bertemu dengan orang ramai bagi menyampaikan mesej kemerdekaan negara selain memperkenalkan program kebajikan MyGift seperti Wakaf Kolej Kediaman Mawaddah dan Masjid UMP.

"Perspektif patriotisme yang



DAING NASIR melepaskan 15 peserta konvoi bermotosikal yang akan mengelilingi Semenanjung Malaysia bermula hari ini di UMP, Pekan semalam.

unik seharusnya menjadi satu pencerahan kepada warga UMP

khlasnya dan masyarakat amnya serta fokus kepada generasi

muda untuk menghayati erti kemerdekaan dengan penuh

kesyukuran," katanya semasa berucap pada majlis pelepasan konvoi Wakaf UMP di sini semalam.

Turut hadir Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid dan Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Safie.

Sementara itu, Ketua Program Jelajah Konvoi Wakaf UMP, Nor Azizi Mamat memberitahu, perjalanan selama 60 jam tersebut akan melibatkan semua negeri di Semenanjung termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur.

"Kami akan bertemu pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Astana, Kuantan dan warga Universiti Malaysia Perlis selain Universiti Teknikal Malaysia Melaka serta Universiti Tun Hussein Onn, Johor," ujarnya yang juga merupakan Penolong Pegawai Belia dan Sukan UMP.